

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bhanan.com.my

► Nilai

USIM terbit album qasidah

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menerbitkan album qasidah kontemporari, iaitu dikir berbahasa Arab yang memuji Nabi Muhammad SAW.

Album mengandungi enam lagu itu dinyanyikan oleh kumpulan pelajar yang dinamakan Bushra Lana.

Ketua kumpulan itu, Mohd Husaini Mahmud, 20, berkata album itu menggunakan susunan muzik kontemporari bagi menarik minat belia dan remaja dalam hiburan berunsurkan keislaman.

Beliau berkata, enam qasidah itu ialah Assalamu'alaik, Bushra Lana, Khairul Bariyyah, In Qiila Zurtum, Salamun Kamiskil Khitam dan Ya Imam Rusli.

Katanya, album itu diterbitkan bukan untuk tujuan keuntungan tetapi sebagai hadiah daripada USIM bagi meningkatkan imej hiburan

Islam dalam masyarakat.

"Penerbitan album ini diharap membuka persepsi baru hiburan yang memenuhi tuntutan Islam dan boleh dimasyhurkan selain meneroka bidang seni lain termasuk marhaban dan berzanji pada masa depan," katanya ketika ditemui dalam majlis pelancaran di sini, baru-baru ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Mashitah Ibrahim menyempurnakan pelancaran album itu.

Hadir sama, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Muhamad Muda.

Gabungan genderang

Mohd Husaini berkata, proses penerbitan album itu termasuk idea dan konsep, rakaman studio, 'mixing' dan 'mastering' dihasilkan sepenuhnya di USIM.

Katanya, semua qasidah itu menggabungkan unsur tradisi iaitu genderang Arab, Melayu, Barat dan India yang dipadankan dengan melodi Timur Tengah.

"Lirik dan lagu dalam album ini dinyanyikan dalam kalangan masyarakat terdahulu dengan membawa mesej mencintai Rasulullah SAW," katanya.

Usaha terbaik

Sementara itu, Mashitah berkata, USIM mengambil inisiatif terbaik dalam menghasilkan album qasidah bagi memastikan kesenian Islam terus hidup walaupun diasak dengan pelbagai muzik moden dari Barat.

"Sudah tiba masanya kita memainkan peranan memperkasa kesenian Islam melalui cabang seni yang tidak kurang hebat berbanding karya Barat.

"Apabila album qasidah kontemporari USIM ini diperdengar kepada khalayak, ini membantu masyarakat mengenali kesenian Islam.

"Saya harap album ini akan terus diketengah di peringkat lebih tinggi supaya dikir puji-pujian kepada Rasulullah SAW ini meniti di bibir dan sanubari anak muda dan mengisi ruas kepemimpinan negara masa depan," katanya.



Mashitah (kiri) bersama dengan ahli kumpulan Bushra Lana dalam majlis pelancaran album Qashidah kontemporari di USIM Nilai, Negeri Sembilan.